**on 18 March 2014**



Utusan Sarawak Stail pembangunan
SELASA • 18 Mac 2014 • 16 Jamadilawal 1435H

GAMBAR KENANGAN... Majlis tersebut diadakan 11 Mac lepas – dihadiri lebih 200 pelajar bertempat di Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS) Unimas.

# Warga Unimas prihatin

## anjur aktiviti kreatif *Pray for MH370*

INSIDEN kehilangan pesawat Sistem Penerba-ngan Malaysia MH370 dari Kuala Lumpur ke Beijing, sememangnya meninggalkan kesan mendalam buat masyarakat seluruh dunia.

Kehilangannya tanpa sebarang berita sehingga kini menjadi tanda tanya meskipun pelbagai usaha dan pencarian dibuat sejak hari pertama pesawat itu hilang iaitu 8 Mac lalu.

Mengingati tragedi tersebut yang masih belum diketahui nasib penumpang seramai 227 orang dan 12 anak kapal, kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) terus berharap dan berdoa semoga berita baik akhirnya diterima pada penghujung kisah ini.

Seperti pihak lain, Unimas tidak ketinggalan mengadakan solat hajat, bacaan Yasin dan doa selamat, memohon kepada Yang Maha Esa agar semua penumpang dan anak kapal dilindungi dari sebarang bahaya.

Majlis tersebut diadakan pada 11 Mac lepas, yang dihadiri lebih 200 pelajar bertempat di Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS) Unimas.

Selain itu, Pusat Pengajian Bahasa Unimas juga menyediakan ruang untuk kakitangan dan pelajar menurunkan tandatangan sebagai memberi sokongan dan mesej semangat kepada penumpang dan anak kapal mahupun ahli keluarga mereka.

Melalui aktiviti *CLS Pray for MH370* jumlah tandatangan dan mesej semangat yang diperolehi sehingga kini melebihi 200 tandatangan, logo, gambar dan sebagainya.

Kesemua mesej tersebut dipaparkan pada cermin kaca pintu di ruang legar Pusat Pengajian Bahasa dan aktiviti tersebut berterusan tiga minggu atau sehingga pesawat berkenaan ditemui.

Salah seorang penyelaras aktiviti tersebut, Cik Emisa Marzuki, pihaknya menggunakan pen dakwat khas untuk cermin kaca supaya ia tahan lama dan mudah dipadamkan.

"Beliau berkata cara tersebut digunakan sebagai tanda keprihatinan pihak Unimas berkaitan nasib malang penumpang dan anak kapal pesawat berkenaan.

Selain itu, katanya, ia juga sebagai satu dari cara menunjukkan sokongan kakitangan dan pelajar Unimas untuk keluarga penumpang dan anak kapal, supaya terus berusaha, berdoa dan tidak mudah berputus asa.

Melalui aktiviti *CLS Pray for MH370* jumlah tandatangan dan mesej semangat yang diperoleh sehingga kini melebihi 200 tandatangan, logo, gambar dan sebagainya.

## Harapan pelajar Unimas

**SITI ZULAIKHA MD AZMI**
**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK)**

*"Sedih apabila mengenang nasib penumpang dan anak kapal yang belum ditemui. Kita hanya mampu berdoa untuk keselamatan mereka. Mungkin cara begini boleh menjadi mesej semangat. Namun begitu, saya menasihatkan supaya kita jangan terlalu bersuka ria sebab ada pihak sedang berdukacita disebabkan kejadian ini."*

**LIANG KA CHEONG**
**Fakulti Ekonomi dan Perniagaan**

*"Aktiviti itu sekurang-kurangnya sebagai memberi sokongan kepada ahli keluarga penumpang dan anak kapal, untuk terus bersabar dan berdoa atas keselamatan ahli keluarga mereka. Kita tidak dapat berbuat apa-apa, tetapi sekurang-kurangnya kita boleh memberitahu bahawa mereka tidak berkeseorangan dan semua masyarakat dunia meratapi insiden ini."*

**G.KANAGAWATHY**
**Fakulti Ekonomi dan Perniagaan**

*"Kita harus terus percaya pada Tuhan dan keajaiban akan berlaku tanpa siapa pun ketahui. Saya berharap Tuhan akan mendengar doa kita semua dan melindungi penumpang dan anak kapal MH370."*

**NG FEI KEN**
**Fakulti Ekonomi dan Perniagaan**

*"Kita tidak mempunyai daya untuk berbuat apa-apa bagi membantu mereka cuma hanya ini adalah cara untuk menunjukkan betapa kita prihatin dan mendoakan keselamatan penumpang dan anak kapal."*

Puisi

### The Elusive Star

By: ChuahKee Man
Centres of Language Studies

Sumber : Utusan Sarawak (18 March 2014)